

JABATAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN
ANTARABANGSA

TARIKH:15.03.2022 MASA:8.20AM

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' AZHAR BIN HAJI ARSHAD
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI

SEMPENA

PERHIMPUNAN KORPORAT BANDARAYA BIL.1/2022

TARIKH / MASA / TEMPAT

**15 MAC 2022 (SELASA)
8.45 PAGI**

**DEWAN KENANGA
MENARA BANDARAYA
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya kita dapat hadir di Perhimpunan Korporat untuk kali pertama bagi tahun ini semenjak saya dilantik sebagai Datuk Bandar. Pertamanya, saya merakamkan ucapan syabas dan terima kasih kepada Jabatan Khidmat Pengurusan yang berjaya menganjurkan Perhimpunan Korporat Bandaraya yang merupakan satu perhimpunan terbesar warga kerja MBSP.

Semenjak saya menjadi Datuk Bandar Seberang Perai berkuatkuasa pada 01 Januari 2022, ini adalah perhimpunan korporat pertama selaku saya seorang Datuk Bandar. Terima kasih kepada semua yang telah menyokong dan memberi kerjasama yang padu sepanjang saya menerajui khidmat saya di MBSP ini.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada Ahli-Ahli Majlis yang baru dilantik bagi tahun 2022 di mana seramai 20 Ahli Majlis telah dilantik semula, manakala, empat (4) lagi terdiri daripada Ahli Majlis baharu. Selamat datang dan selamat

berkhidmat buat semua Ahli-Ahli Majlis MBSP yang menyertai keluarga besar Majlis Bandaraya Seberang Perai pada tahun ini.

Marilah kita bekerja dalam satu pasukan agar segala tanggungjawab yang direncanakan dapat dilunaskan dengan lebih pantas dan efisien. Kita semua bertanggungjawab dalam memastikan apa juga perancangan masa kini dapat dilaksanakan dengan telus dan berkesan. Tuan-tuan dan puan-puan perlu lebih proaktif, inovatif dan inklusif dalam memberikan perkhidmatan yang cemerlang terutamanya dalam penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.

Sebagai meneruskan visi dan misi Majlis Bandaraya Seberang Perai sebagai sebuah Pihak Berkuasa Tempatan yang lebih cemerlang, besarlah harapan saya agar perjalanan baru saya ini sebagai Datuk Bandar akan mendapat sokongan yang menyeluruh daripada semua pihak demi kemakmuran Seberang Perai sejajar **“Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan”** selari untuk memenuhi hasrat Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi mencapai visi *Penang 2030: “A Family Focused Green Smart State That Inspire The Nation”*.

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

Pelbagai cabaran telah diharungi demi menyediakan perkhidmatan yang terbaik bagi penduduk Seberang Perai khususnya dan *stakeholder* secara amnya. Ekspektasi penduduk Seberang Perai semakin mencabar dan sentiasa memerlukan perkhidmatan yang lebih cekap, efisien dan proaktif. Dalam memberikan perkhidmatan yang cemerlang untuk kesejahteraan rakyat di Seberang Perai, saya mengharapkan agar konsep ABC (*Amanah, Betul dan Cepat*) diamalkan dalam kerja-kerja harian.

Dalam usaha untuk memperkasakan (*empowerment*) organisasi ini, kita harus meneliti semula aliran atau proses kerja daripada segi struktur dan cara bekerja dalam organisasi, agar ianya menjadi mudah dan pantas serta telus. Ini bersesuaian dengan Wawasan Penang 2030 di bawah tema C4 "*Accelerated Programme Delivery and Institutional Reform*".

Usaha berterusan harus dilaksanakan untuk menambahbaik pelan pembangunan kerjaya untuk warga MBSP, bersesuaian dengan keperluan dan cabaran baru pada masa hadapan. Perkhidmatan awam masa kini didepani dengan pelbagai cabaran yang perlu ditangani dengan bijak. Asas kepada keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan awam ialah keupayaan dan kebolehan tenaga kerja atau sumber manusianya untuk menyelaraskan perlakuan mereka dengan matlamat sebenar yang ingin

dicapai. Melalui pelan ini juga, adalah diharapkan ianya dapat meningkatkan tahap profesionalisme, integriti, moral dan semangat kerja berpasukan di kalangan pegawai dengan anggota sokongan serta mewujudkan satu budaya organisasi yang cemerlang dan berupaya memperkasakan MBSP.

Di samping itu, amalan budaya mesra pelanggan hendaklah diteruskan dengan meningkatkan lagi mutu penyampaian perkhidmatan kepada orang ramai supaya sentiasa berada di tahap yang cemerlang. Budaya mesra di antara MBSP dengan rakyat perlu diwujudkan supaya mereka berasa selesa ketika berurusan di samping meraih kepercayaan pelanggan terhadap perkhidmatan yang kita sediakan.

Setiap warga kerja MBSP seharusnya menilai diri sendiri. Individu yang mempunyai nilai diri yang positif maka individu tersebut akan menjaga imej organisasi. Janganlah bersifat sombong dan angkuh bila berdepan dengan pelanggan dan *stakeholders*. Apabila seseorang itu berhemah tinggi, beliau akan disenangi oleh orang lain dan dipandang mulia kerana mempunyai pertuturan dan tingkah laku yang bersopan santun dan lembut. Setiap individu hendaklah bertolak ansur, bertoleransi, sabar dan mengawal diri bagi mengelakkan berlakunya pertelingkahan dan perselisihan faham dengan pelanggan dan *stakeholders*.

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

Dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan cara yang betul, selamat dan teratur, semua ketua jabatan, pegawai dan warga kerja MBSP hendaklah mematuhi SOP yang disediakan di tempat kerja masing-masing.

Memandangkan penularan Covid-19 masih belum reda, warga kerja MBSP juga diingatkan supaya sentiasa mematuhi SOP yang ditetapkan semasa di tempat kerja dengan menjaga keselamatan diri, memakai pelitup muka, tidak bersebang dekat, menjaga kebersihan tempat makan atau fasiliti gunasama dan memantau gejala, serta memaklumkan kepada ketua jabatan masing-masing dengan kadar segera sekiranya bergejala. Elakkan datang bertugas bagi yang bergejala untuk mengurangkan risiko penyebaran penyakit dan dapatkan pemeriksaan segera. Kerjasama semua pihak amat diperlukan bagi memastikan tempat kerja berada dalam keadaan yang kondusif dan selamat untuk mengurangkan risiko jangkitan Covid-19 dan juga lain-lain jangkitan.

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan takziah kepada kakitangan atau keluarga kakitangan yang terkesan dengan Covid-19. Saya doakan agar kita semua dipermudahkan urusan dan dilindungi Allah S.W.T. Saya juga ingin mengesyorkan agar semua kakitangan mengambil vaksin dos penggalak bagi yang belum menerimanya. Anggaplah ini adalah salah satu ikhtiar untuk kita elakkan daripada dijangkiti.

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

MBSP amat memberi perhatian serius terhadap masalah integriti dan etika di kalangan warga kerja MBSP tanpa mengira barisan pembuat dasar, pentadbiran dan pengurusan tertinggi mahupun peringkat pelaksana. Justeru MBSP amat komited dalam usaha meningkatkan integriti, membanteras rasuah, salah guna kuasa, penyelewengan dan pecah amanah di kalangan kakitangan dan seterusnya mensasarkan untuk menjadi sebuah Pihak Berkuasa Tempatan yang berintegriti, telus dan sifar rasuah.

Kita sebagai warga kerja MBSP merangkap keluarga penjawat awam hendaklah sentiasa mengamalkan sikap berkecuali dengan tidak melanggar peraturan dan prosedur kerja di samping mengekalkan taat setia dalam menjalankan tugas kepada organisasi dan berkhidmat untuk *“Government of the Day”*. Sentiasalah memberi taat setia yang tidak

berbelah bagi kepada MBSP demi menjaga dan mempertahankan imej organisasi. Ingatlah Ikrar yang diangkat semasa kita menjawat jawatan sebagai warga kerja MBSP, di mana kita berjanji untuk memberi komitmen sepenuhnya dalam melaksanakan tugas kita dengan lebih ikhlas, jujur dan dedikasi.

Sentiasalah cuba untuk meningkatkan ilmu dan kemahiran diri bagi menghasilkan perkhidmatan yang lebih cekap, cepat dan tepat serta memiliki ciri-ciri kreatif, inovatif, bermotivasi, berdaya saing dan akauntabiliti. Sekiranya terdapat perbezaan pandangan atau pendapat sesama kita, hendaklah diatasi secara berhemah. Janganlah kita menggunakan kata-kata kesat dan berburuk sangka sebelum mencapai keputusan muafakat. Segala masalah sebenarnya dapat diatasi dengan perbincangan dan rundingan dan saya berharap agar kita menyelesaikannya secara profesional.

Bercakap pasal integriti, pada 20 Februari 2022, seorang warga Seberang Perai telah, dengan tidak sengaja terbuang barang kemas beliau bersama sampah dari kediamannya. Susulan daripda itu, beliau telah meminta bantuan di Depo Pembersihan Tasek Gelugor untuk mencari barang kemas tersebut. Atas dasar amanah dan simpati, sembilan (9) orang kakitangan MBSP telah berusaha dengan sepenuh tenaga mencari barang

kemas tersebut. Barang kemas tersebut dijumpai semula dalam longgokan sampah seberat empat (4) tan dalam tempoh dua (2) jam pencarian. Syabas dan tahniah ikhlas daripada hati saya atas usaha-usaha murni yang ditunjukkan oleh wira oren MBSP. Saya berharap lebih ramai warga MBSP tidak hanya Wira Oren kita bahkan semua kakitangan yang menunjukkan sikap seperti ini. Saya bangga kerana anda semua adalah sebahagian daripada keluarga MBSP. Pada hari ini saya bersetuju memberikan sijil penghargaan kepada sembilan (9) Wira Oren tersebut yang telah menunjukkan integriti yang tinggi semasa menjalankan tugas.

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

Saya ingin memaklumkan beberapa pencapaian dan juga usaha-usaha MBSP sejak Januari 2022 sehingga kini. Walaupun saya masih baru di sini, saya berasa bangga kerana setakat hari ini, kita boleh lihat usaha-usaha dan pencapaian yang memberangsangkan daripada tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Antaranya ialah:

1. MBSP telah menyertai Program *Addressing Climate Change and Reducing Pollution* dalam *12th Dubai International Award for Sustainable Best Practices* dan telah berjaya dipilih sebagai salah satu *finalist*. Kita masih menunggu keputusan dan sekiranya berjaya, MBSP akan dijemput ke sana untuk pembentangan dan

jika ada rezeki, wang lebih kurang RM1juta menanti kita. InsyaAllah.

2. MBSP bersama rakan strategic, Universiti Pendidikan Sultan Idris, telah berjaya memperolehi geran sebanyak USD2,000.00 (RM8,416.00) daripada *EPIC Asia Pacific Seed Grant Proposal*. Geran ini akan digunakan oleh UPSI dan MBSP untuk penganjuran bengkel-bengkel hijau.
3. MBSP telah mendapat sebanyak tujuh (7) pensijilan berteraskan kualiti sehingga hari ini. Pada tahun ini kita telah memulakan usaha untuk melaksanakan Sistem Pengurusan Aset ISO 55001:2014 atau AMS. Sistem ini akan berkuatkuasa pada bulan Mei dan pelaksanaan Audit Pematuhan dijangka pada bulan Oktober 2022.

Sekiranya kita berjaya memperolehi pensijilan ini daripada badan pensijilan SIRIM QAS International Sdn Bhd, maka kita akan menjadi Pihak Berkuasa Tempatan Pertama yang memperolehi sijil ini daripada SIRIM.

Selain daripada itu kita akan menjadi Agensi Kerajaan pertama di Malaysia yang mempunyai lapan (8) pensijilan Sistem Pengurusan Berteraskan Kualiti, juga menjadi Agensi Kerajaan pertama yang

mengintegrasikan tujuh (7) Sistem Pengurusan ISO dalam aspek pelaksanaan, dokumentasi dan pengauditan.

Jumlah pensijilan bukanlah keutamaan semata-mata. Namun dengan pelaksanaan Sistem Pengurusan Berteraskan Kualiti, kita mempunyai garis panduan dalam melaksanakan tugas dengan lebih sistematik, efisien dan cekap melalui QMS. Melalui ISO 14001 (EMS), kita mengambil kira aspek penjagaan alam sekitar dan melalui ISO 45001 (OSHMS) kita memberi perhatian kepada aspek penjagaan keselamatan dalam pelaksanaan tugas oleh kakitangan mahupun pihak-pihak yang mewakili MBSP. Begitu juga dengan sistem-sistem lain yang mempunyai Objektif dan KPI tersendiri.

4. MBSP telah menyediakan bantuan khas Covid-19 kepada kakitangan MBSP yang terjejas, di mana sehingga Mac 2022, sebanyak 133 permohonan telah diluluskan dan wang tunai sebanyak RM150.00 telah disalurkan kepada setiap kakitangan yang terjejas. Kos secara keseluruhan adalah sebanyak RM19,950.00.
5. Berkuatkuasa Januari 2022, bayaran bantuan perubatan dan Kesihatan kepada kakitangan MBSP sebanyak RM100.00/bulan telah dimasukkan ke dalam akaun gaji setiap pegawai / kakitangan MBSP. Ini bertujuan untuk mengurangkan beban kakitangan yang

semakin meningkat akibat Covid-19. Tuan-tuan juga boleh gunakan wang tersebut untuk tujuan membeli *saliva test kit*, *mask* atau *sanitizer* memandangkan isu Covid-19 yang masih belum reda.

6. Seramai 50 orang kakitangan telah terlibat dalam Misi Bantuan Bencana Banjir MBSP Siri 2 di kawasan Majlis Perbandaran Kajang dan Majlis Perbandaran Bentong yang tamat pada 6 Januari 2022. Manakala, seramai 30 kakitangan MBSP telah terlibat dengan Misi Bantuan Bencana Banjir MBSP Siri 3 di kawasan Majlis Perbandaran Bentong dari 6 hingga 13 Januari 2022. MBSP juga telah menyumbangkan peralatan pembersihan bernilai RM5,409.00 kepada mangsa-mangsa banjir di Kelantan dan Terengganu melalui Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang.
7. Sebanyak 16 kes telah berjaya dikesan melalui CCTV dan dilaporkan ke media sosial yang melibatkan pembuangan sampah haram, kesesakan lalu lintas, bencana alam, pokok tumbang, banjir dan penjaja haram yang dikesan.
8. Pemasangan Sistem Solar PV di Kompleks Sukan Bertam, Seberang Perai Utara siap dilaksanakan pada 1 Mac 2022, melalui Program *Supply Agreement of Renewable Energy* (SARE) antara MBSP, TNB dan GSPARX.

9. MBSP juga mensasarkan untuk memasang sebanyak 22,284 sensor jenis *Surface Mounted* dan 1,716 petak letak kereta siap dipasang sensor jenis CCTV menjelang April 2022.
10. Dari segi pendapatan dan perbelanjaan MBSP pada tahun 2022 (sehingga 28 Februari 2022) MBSP telah memperolehi pendapatan sebanyak RM105,234,238.59 di mana Hasil Cukai adalah RM91,325,087.05; Hasil Bukan Cukai adalah RM13,872,850.09, dan Terimaan Bukan Hasil adalah sebanyak RM36,301.45. Manakala jumlah **Perbelanjaan** pulak adalah RM33,362,116.73. Sehubungan itu, kita haruslah menguruskan perbelanjaan Jabatan masing-masing secara berhemah dan mengutamakan “*value for money*” dengan mematuhi semua tatacara kewangan dan perolehan.

Tahniah dan syabas buat semua. Saya berharap lebih banyak program atau usaha-usaha yang akan diketengahkan lagi selepas ini.

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

MBSP akan sentiasa memastikan bahawa kita seiring dengan hasrat *Penang2030*. Oleh itu, marilah sama-sama kita berganding bahu bagi mencapai Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan. Saya ucapkan

ribuan terima kasih kepada semua yang telah bersama-sama dengan MBSP dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik untuk rakyat. Terima kasih tidak terhingga kepada kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang sentiasa menyokong usaha-usaha MBSP dan saya harap sokongan ini sentiasa berpanjangan demi kebaikan bersama.

Akhir kata daripada saya, saya rasa tidak terlalu awal untuk saya ucapkan Selamat Menyambut Bulan Ramadhan buat semua warga kerja MBSP yang beragama Islam. Semoga Ramadhan kali ini membuka lembaran baru untuk kebahagiaan dan keberkatan dunia dan akhirat kita semua.

Ingatlah “Ular menyusur akar takkan hilang bisanya”

Sekian, terima kasih.

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.***